

---

**UCAPAN**  
**Y.BHG. DATO' DR. MOHD AZHAR BIN HAJI YAHAYA**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)**  
**KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**IBU PEJABAT SIRIM, SHAH ALAM**  
**23 JANUARI 2014 (KHAMIS)**

---

Yang Berusaha Puan Pengacara Majlis

**YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON EBIN**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR BIN**  
**MOHAMMAD DIAH**

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJJAH JAMALIAH**  
**BINTI KAMIS**

Pengerusi SIRIM Berhad

**YANG BERUSAHA DR. ZAINAL ABIDIN BIN MOHD YUSOF**

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan

Pegawai-Pegawai Kanan MOSTI

Wakil-Wakil Industri

Pihak Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam ***'1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'***

1. Alhamdulillah. Saya bersyukur ke hadarat ALLAH S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat hadir bersama di majlis yang penuh gilang-gemilang iaitu Majlis Pelancaran Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 atau MOSTI Commercialisation Year 2014 atau singkatannya (MCY2014).

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Dif-Dif Jemputan, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi, Pihak Industri dan para penyelidik sekalian yang dapat hadir pada majlis pagi ini.

3. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak daripada awal penubuhannya, sentiasa memberikan galakan dan bantuan bagi meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini. Usaha ini diharapkan dapat menyumbangkan ke arah peningkatan produktiviti, daya saing serta rantai nilai ekonomi negara. Di samping itu, kesan utama yang diharapkan daripada pendekatan ini

ialah ia berupaya menjana ilmu pengetahuan yang tinggi ke arah mencipta kekayaan dan mensejahterakan rakyat.

4. Mulai tahun 2010, MOSTI juga turut komited dalam usaha pembudayaan inovasi dengan menumpukan kepada golongan akar umbi. Di sepanjang tempoh tersebut yang turut diisytiharkan sebagai Tahun Malaysia Inovatif dan MOSTI telah diberi mandat untuk membudayakan aktiviti inovasi di negara ini. Mengorak langkah ke hadapan dan bagi melonjakan lagi tahap dan kadar pengkomersilan, MOSTI pada tahun ini akan menumpukan segala usaha dan perancangan bagi memastikan produk-produk yang dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan dapat diketengahkan dan dipasarkan bagi tujuan pengkomersilan di peringkat dalam dan luar negara.

5. Memulakan tahun baru 2014, MOSTI pada majlis pagi ini mengharapkan segala usaha dapat ditumpukan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi menjayakan MCY2014. MOSTI yakin dengan kejayaan mencapai matlamat program MCY2014 yang dirancang dan akan diumumkan oleh YB Menteri sebentar nanti, kadar pengkomersilan produk-produk R&D akan dapat ditingkatkan.

6. Mengambil maklum akan saranan YAB Perdana Menteri baru - baru ini semasa mengumumkan langkah-langkah penjimatan, MOSTI akan terus berusaha bagi melaksanakan agenda utama ini bagi memastikan produk-produk yang berpotensi dapat diketengahkan untuk dikomersilkan. Sekaligus usaha ini pasti akan dapat membantu merancakkan lagi kegiatan ekonomi negara ke arah yang lebih baik meskipun dalam suasana langkah berjimat cermat. Sukacita saya

memaklumkan sebahagian besar usaha dan kerja-kerja promosi persiapan majlis MCY2014 ini adalah dibuat secara dalaman dengan mendapat kerjasama daripada agensi-agensi di bawah MOSTI.

7. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga kepada semua jemputan yang sudi hadir, terima kasih juga kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan majlis ini serta program-program MCY2014 yang dirancang sepanjang tahun ini. Semoga dengan kerjasama para hadirin sekalian, hasrat kerajaan untuk mentransformasikan negara kita sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi akan tercapai.

Sekian, terima kasih.